



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 2 Mac 2023 (Khamis) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,  
**Unit Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p><b>Banjir: Tiga pegawai JKM terperangkap ketika hantar bantuan</b></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/03/01/video-banjir-tiga-pegawai-jkm-terperangkap-ketika-hantar-bantuan/">https://www.kosmo.com.my/2023/03/01/video-banjir-tiga-pegawai-jkm-terperangkap-ketika-hantar-bantuan/</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2023/03/940996/ka-mi-hampir-berpaut-pada-pokok-kelapa-sawit-pegawai-jkm">https://www.hmetro.com.my/utama/2023/03/940996/ka-mi-hampir-berpaut-pada-pokok-kelapa-sawit-pegawai-jkm</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/03/tiga-staf-jkm-nyaris-panjat-pokok-kelapa-sawit-selamatkan-diri/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/03/tiga-staf-jkm-nyaris-panjat-pokok-kelapa-sawit-selamatkan-diri/</a></p>	<p><b>Kosmo</b></p> <p><b>Harian Metro</b></p> <p><b>Utusan</b></p>	<p><b>Neutral</b></p> <p><b>Neutral</b></p> <p><b>Neutral</b></p>

	<a href="https://www.sinchew.com.my/20230301/%e6%9f%94%e6%b0%b4%e7%81%be%e9%80%81%e7%89%a9%e8%b5%84%e8%bd%a6%e8%a2%ab%e6%b4%aa%e6%b0%b4%e6%b2%a1%e9%a1%b6-%e7%a6%8f%e5%88%a9%e5%b1%80%e4%ba%ba%e5%91%98%ef%bc%9a%e4%bb%a5%e4%b8%ba%e8%a6%81%e6%ad%bb/">https://www.sinchew.com.my/20230301/%e6%9f%94%e6%b0%b4%e7%81%be%e9%80%81%e7%89%a9%e8%b5%84%e8%bd%a6%e8%a2%ab%e6%b4%aa%e6%b0%b4%e6%b2%a1%e9%a1%b6-%e7%a6%8f%e5%88%a9%e5%b1%80%e4%ba%ba%e5%91%98%ef%bc%9a%e4%bb%a5%e4%b8%ba%e8%a6%81%e6%ad%bb/</a>	Sin Chew Daily	Neutral
2	<b>Pahang Mula Dilanda Banjir, 171 Mangsa Ditempatkan Di Empat PPS</b>  <a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pahang-mula-dilanda-banjir-171-mangsa-ditempatkan-di-empat-pps-408775">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pahang-mula-dilanda-banjir-171-mangsa-ditempatkan-di-empat-pps-408775</a>	Astro Awani	Neutral
3	<b>Banjir: Mangsa Meningkatkan Kepada 2,639 Di Tiga Negeri, 28 PPS Dibuka</b>  <a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-mangsa-meningkat-kepada-2639-di-tiga-negeri-28-pps-dibuka-408677">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-mangsa-meningkat-kepada-2639-di-tiga-negeri-28-pps-dibuka-408677</a>  <a href="https://www.astroawani.com/video-malaysia/banjir-mangsa-meningkat-2-639-di-tiga-negeri-2011796">https://www.astroawani.com/video-malaysia/banjir-mangsa-meningkat-2-639-di-tiga-negeri-2011796</a>  <a href="https://www.kosmo.com.my/2023/03/01/banjir-johor-42-kampung-dan-taman-perumahan-di-kluang-ditenggelami-air/">https://www.kosmo.com.my/2023/03/01/banjir-johor-42-kampung-dan-taman-perumahan-di-kluang-ditenggelami-air/</a>  <a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1070948/mangsa-bah-enam-negeri-meningkat-kepada-11918">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1070948/mangsa-bah-enam-negeri-meningkat-kepada-11918</a>  <a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2169161">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2169161</a>  <a href="http://prn.bernama.com/johor/news-bm.php?id=2168897">http://prn.bernama.com/johor/news-bm.php?id=2168897</a>  <a href="https://makkalosai.com.my/2023/03/02/%e0%ae%9c%e0%af%8b%e0%ae%95%e0%af%82%e0%ae%b0%e0%af%8d-%e0%ae%9a%e0%ae%aa%e0%ae%be%e0%ae%b5%e0%af%88%e0%ae%a4%e0%af%8d-%e0%ae%a4%e0%af%8a%e0%ae%9f%e0%ae%b0%e0%af%8d%e0%ae%a8%e0%af%8d%e0%ae%a4/">https://makkalosai.com.my/2023/03/02/%e0%ae%9c%e0%af%8b%e0%ae%95%e0%af%82%e0%ae%b0%e0%af%8d-%e0%ae%9a%e0%ae%aa%e0%ae%be%e0%ae%b5%e0%af%88%e0%ae%a4%e0%af%8d-%e0%ae%a4%e0%af%8a%e0%ae%9f%e0%ae%b0%e0%af%8d%e0%ae%a8%e0%af%8d%e0%ae%a4/</a>	Astro Awani  Astro Awani  Kosmo  Berita Harian  Bernama  Bernama  Makkal Osai	Neutral  Neutral  Neutral  Neutral  Neutral  Neutral

	<a href="https://www.sinchew.com.my/?p=4505073">https://www.sinchew.com.my/?p=4505073</a> <a href="https://johor.sinchew.com.my/?p=4505739">https://johor.sinchew.com.my/?p=4505739</a>	Sin Chew Daily	Neutral
4	<b>Moga Ada Sinar Untuk 'Anak Lorong'</b> <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/941081/moga-ada-sinar-untuk-anak-lorong">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/941081/moga-ada-sinar-untuk-anak-lorong</a> <a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2023/03/940894/harapan-anak-lorong">https://www.hmetro.com.my/utama/2023/03/940894/harapan-anak-lorong</a>	Harian Metro Harian Metro	Neutral Neutral
5	<b>Pemuda Mahu Jaga Orang Tua, Belum Fikir Soal Kahwin</b> <a href="https://www.kosmo.com.my/2023/03/01/pemuda-mahu-jaga-orang-tua-belum-fikir-soal-kahwin/">https://www.kosmo.com.my/2023/03/01/pemuda-mahu-jaga-orang-tua-belum-fikir-soal-kahwin/</a>	Kosmo	Neutral
6	<b>Wanita Maut Myvi Terbabas Rempuh Konkrit Perparitan</b> <a href="https://malaysiagazette.com/2023/03/01/wanita-maut-myvi-terbabas-rempuh-konkrit-perparitan/">https://malaysiagazette.com/2023/03/01/wanita-maut-myvi-terbabas-rempuh-konkrit-perparitan/</a>	Malaysia Gazette	Neutral
7	<b>Warga Emas Putih Mata Rugi RM73,000 Ditipu Sindiket Macau Scam</b> <a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/warga-emas-putih-mata-rugi-rm73000-ditipu-sindiket-macau-scam/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/warga-emas-putih-mata-rugi-rm73000-ditipu-sindiket-macau-scam/</a>	Utusan	Neutral
8	<b>Baru Pulang Umrah, Warga Emas Tabah Hadapi Banjir</b> <a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/baru-pulang-umrah-warga-emas-tabah-hadapi-banjir-408733">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/baru-pulang-umrah-warga-emas-tabah-hadapi-banjir-408733</a> <a href="http://prn.bernama.com/johor/news-bm.php?id=2168951">http://prn.bernama.com/johor/news-bm.php?id=2168951</a>	Astro Awani Bernama	Neutral Neutral
9	<b>Tujuh Jam Terperangkap Atas Bumbung</b> <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/941065/tujuh-jam-terperangkap-atas-bumbung">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/941065/tujuh-jam-terperangkap-atas-bumbung</a>	Harian Metro	Neutral

10	<p><b>PPS SK Felda Kota Gelanggi 1 Tempatkan 77 Mangsa Banjir</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/247687/berita/s-emas/pps-sk-felda-kota-gelanggi-1-tempatkan-77-mangsa-banjir">https://www.sinarharian.com.my/article/247687/berita/s-emas/pps-sk-felda-kota-gelanggi-1-tempatkan-77-mangsa-banjir</a></p>	Sinar Harian	Neutral
11	<p><b>Kanak-Kanak Lelaki Dikhuatiri Lemas</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-lelaki-dikhuatiri-lemas-408824">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-lelaki-dikhuatiri-lemas-408824</a></p>	Astro Awani	Neutral
12	<p><b>Penularan Demam Campak, Bayi Dan Kanak-Kanak Di Melaka Di Suntik Semula Vaksin MR</b></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2023/03/01/penularan-demam-campak-bayi-dan-kanak-kanak-di-melaka-di-suntik-semula-vaksin-mr/">https://malaysiagazette.com/2023/03/01/penularan-demam-campak-bayi-dan-kanak-kanak-di-melaka-di-suntik-semula-vaksin-mr/</a></p>	Malaysia Gazette	Neutral
13	<p><b>Hukuman Mati Terhadap Suami Pengasuh Bayi Zara Kekal</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/941097/hukuman-mati-terhadap-suami-pengasuh-bayi-zara-kekal">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/941097/hukuman-mati-terhadap-suami-pengasuh-bayi-zara-kekal</a></p>	Harian Metro	Neutral
14	<p><b>Kanak-Kanak Tiga Tahun Hilang Ditemukan Lemas</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/941172/kanak-kanak-tiga-tahun-hilang-ditemukan-lemas">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/941172/kanak-kanak-tiga-tahun-hilang-ditemukan-lemas</a></p>	Harian Metro	Neutral
15	<p><b>Pelan Tindakan Mobiliti Untuk OKU Perlu Diperkenal - Ras Adiba</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pelan-tindakan-mobiliti-untuk-oku-perlu-diperkenal-ras-adiba-408805">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pelan-tindakan-mobiliti-untuk-oku-perlu-diperkenal-ras-adiba-408805</a></p> <p><a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/01/introduce-mobility-action-plan-to-improve-facilities-for-oku-says-ras-adiba">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/01/introduce-mobility-action-plan-to-improve-facilities-for-oku-says-ras-adiba</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2169113">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2169113</a></p>	<p>Astro Awani</p> <p>The Star</p> <p>Bernamea</p>	<p>Neutral</p> <p>Neutral</p> <p>Neutral</p>

<b>16</b>	<b>Semua stesen KTM akan dilengkapi lif</b>  <a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/semua-stesen-ktm-akan-dilengkapi-lif-408814">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/semua-stesen-ktm-akan-dilengkapi-lif-408814</a>  <a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/01/all-ktm-stations-to-be-equipped-with-lifts">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/01/all-ktm-stations-to-be-equipped-with-lifts</a>  <a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=216915">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=216915</a> <u>2</u>	<b>Astro Awani</b>  <b>The Star</b>  <b>Bernamea</b>	<b>Neutral</b>  <b>Neutral</b>  <b>Neutral</b>
-----------	--	--	--

## 'Kami Hampir Berpaut Pada Pokok Kelapa Sawit' - Pegawai JKM



**Batu Pahat:** "Kebiasaannya kami membantu mangsa namun pada kali ini kami sendiri berdepan dengan detik mencemaskan apabila kenderaan pacuan empat roda dinaiki hampir tenggelam," kata pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Batu Pahat, Siti Nadiah Mardi, 36.

Menceritakan pengalaman yang ditempuhi pada 12 tengah hari hari ini, Siti Nadiah berkata, ketika kejadian kereta dinaiki itu berada di kebun kelapa sawit di Kampung Haji Kamisan berhampiran pusat pemindahan sementara (PPS) Parit Haji Kamisan di Yong Peng.

Menurutnya, ketika merentasi kawasan itu menuju ke PPS berkenaan, air banjir semakin deras hingga Ford Everest hanyut ke tepi.

Katanya, pada awalnya air banjir hanya pada paras sederhana namun ia semakin tinggi hingga kepada paras berbahaya iaitu melebihi satu meter.

"Lebih sejam kami berdepan situasi getir dan saya tidak tahu boleh hidup lagi atau tidak.

"Air menghampiri bumbung kereta dan ketika itu kami sudah bersiap sedia berpaut pada pokok kelapa sawit.

"Kami menghubungi pelbagai agensi dan rakan supaya membantu sebelum keadaan bertambah buruk," katanya.

Siti Nadiah berkata, ketika kejadian dia bersama rakan sekerja, Herlinda Abd Majid, 42, dan pemandu kereta berusia 46 tahun.

"Selepas sejam, kami mendengar bunyi bot dan ketika itu kami menjerit meminta bantuan.

"Hanya tuhan saja mengetahui perasaan kami ketika itu, Alhamdulillah bot itu menuju ke arah kami dan difahamkan mereka menerima maklumat dan segera ke lokasi bagi menyelamatkan kami," katanya.

Siti Nadiah berkata, dalam kejadian berkenaan kesemua barangan yang dibawa dalam kenderaan termasuk makanan, minuman serta borang pendaftaran sudah rosak.

Menurutnya, bagaimanapun dia dan rakannya bersyukur kerana terselamat tanpa mengalami sebarang kecederaan.

"Ini adalah kejadian kali pertama seumur hidup dan kami tidak akan lupakan dan akan dijadikan iktibar supaya lebih berhati-hati pada masa depan.

"Kami berterima kasih kepada keluarga, kenalan dan rakan sekerja yang mendoakan keselamatan kami," katanya ketika dihubungi hari ini.

# Banjir: Mangsa Meningkatkan Kepada 2,639 Di Tiga Negeri, 28 PPS Dibuka

Astro Awani

Mac 1, 2023 10:54 MYT



*Johor merekodkan mangsa banjir tertinggi dengan 1,928 orang daripada 514 keluarga yang ditempatkan 19 PPS. - Gambar fail*

**KUALA LUMPUR:** Hujan lebat berterusan menyebabkan banjir berlaku di Sarawak, Sabah dan Johor sejak awal pagi, hari ini.

Menurut portal infobencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), seramai 2,639 mangsa daripada 737 keluarga direkodkan di tiga negeri terbabit dengan 28 pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka.

Johor merekodkan mangsa banjir tertinggi dengan 1,928 orang daripada 514 keluarga yang ditempatkan 19 PPS.

Antara daerah terjejas termasuk Segamat, Kota Tinggi, Kluang dan Johor Bharu.

## Moga Ada Sinar Untuk 'Anak Lorong'



AZHAN menyantuni anak asnaf di Chow Kit dengan buku dan alat tulis untuk menarik minat mereka dengan pendidikan. FOTO IHSAN PEMBACA

**Kuala Lumpur:** Tiada apa yang amat diharapkan aktivis sosial Azhan Adnan, kecuali mahu melihat 'anak lorong' gembira dan mendapat peluang pendidikan seperti kanak-kanak lain.

Azhan, 54, atau mesra dipanggil [Abe Hae](#) antara individu yang aktif menghulurkan sumbangan kepada golongan asnaf di sekitar Chow Kit, selain turut membantu kanak-kanak di kawasan itu yang tidak boleh membaca dengan lancar dan baik.

Azhan berkata, dia amat mengharapkan pelbagai pihak termasuk kerajaan membuka mata dan mengambil inisiatif bagi membantu kanak-kanak terbabit supaya tidak terus keciciran dalam pembelajaran.

"Memang itulah yang terbaik. Saya mahu mereka ini dibantu daripada pelbagai sudut terutamanya pendidikan buat anak-anak mereka," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Ditanya sama ada kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atau badan bukan kerajaan (NGO) menghubunginya selepas laporan khas mengenai harapan anak lorong disiarkan Harian Metro semalam, Azhan berkata, setakat ini tidak menerima sebarang panggilan.

Katanya, sekiranya ada dia mungkin terlepas panggilan kerana terlalu sibuk menguruskan anak golongan asnaf itu, malah ketika dihubungi Harian Metro dia dalam perjalanan membawa 54 kanak-kanak terbabit bercuti ke Port Dickson, Negeri Sembilan dan Melaka.

Tambahnya, semua inisiatif dilakukannya adalah sumbangan orang ramai melalui NGO yang diasaskannya, Pertubuhan Jejak Jalanan.

Harian Metro semalam melaporkan, mereka terpaksa menjadikan bilik sempit dan tidak kondusif untuk tumbesaran kanak-kanak di kawasan Chow Kit serta mengalas perut dengan makanan disumbangkan pihak prihatin.

Namun jauh di sudut hati, ibu dan bapa kepada anak-anak penghuni lorong ini mahu mereka berjaya dalam pelajaran kerana hanya itu satu-satunya jalan keluar untuk mereka dari kehidupan sukar yang ditempuhi.



Mohd. Yusri (kanan) menjaga ibu bapanya ketika ditemui di rumah mereka di Kampung Chegar, Pendang baru-baru ini.

## Pemuda Mahu Jaga Orang Tua, Belum Fikir Soal Kahwin

**PENDANG** – Demi kasih kepada insan tersayang, seorang pemuda dari Kampung Chegar di sini sanggup menyetepikan kepentingan diri semata-mata untuk menjaga ibu bapa yang uzur sejak enam tahun lalu.

Mohd. Yusri Haiqal Mohd. Yusop, 33, berkata, sebagai anak tunggal dalam keluarga, dia memikul tanggungjawab besar untuk menguruskan keperluan bapanya, Mohd. Yusop Sulaiman, 63, yang kini terlantar sakit akibat angin ahmar.

Kata Mohd. Yusri, ibunya, Mahani Saleh, 58, pula disahkan menderita kanser payudara tahap tiga sejak 2021 sehingga terpaksa menjalani pembedahan pada Oktober tahun lalu.

“Mak perlu jalani kemoterapi di Hospital Lama Alor Setar sebanyak enam kali diikuti radiografi di Hospital Pulau Pinang nanti. Jadi, saya terpaksa uruskan semua itu,” katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Menurutnya, dia kini hanya bekerja sebagai pembantu am di sebuah kedai besi di Jalan Langgar di sini untuk menampung keperluan keluarga.

“Saya memerlukan pekerjaan yang fleksibel kerana ada harinya saya perlu bawa mak dan ayah ke hospital,” ujarnya.

Tambahnya lagi, ketika ini dia tidak langsung memikirkan tentang masa depan seperti pemuda lain termasuk untuk berumah tangga melainkan mahu menjaga ibu bapanya dalam keadaan baik.

“Dahulu saya kerja kilang di Kulim dan apabila ayah sakit, saya perlu balik ke kampung.

“Buat masa ini, saya tak fikir lagi untuk berkahwin, lagipun siapalah yang mahukan orang seperti saya?” luahnya.

Sementara itu, Mahani menjelaskan dia disahkan menghidap kanser setelah mengesan ketulan pada payudara kanan sebelum.

“Tahun lepas, saya ambil keputusan untuk buang payu dara dan sekarang sedang jalani kemoterapi,” katanya

Tambahnya, perbelanjaan mereka banyak bergantung kepada bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM500 sebulan.

Bagi mereka yang ingin membantu keluarga ini boleh menyumbang kepada akaun Bank Islam **02084020262878** atas nama Mahani Saleh.

## Baru Pulang Umrah, Warga Emas Tabah Hadapi Banjir



Selamah berkata musibah itu merupakan yang pertama tahun ini, selepas pernah mengalami banjir teruk di kawasan itu, dua tahun lepas. - foto BERNAMA

**PASIR GUDANG:** Seorang warga emas yang baru dua minggu pulang daripada mengerjakan ibadah umrah, mengalami detik cemas apabila air naik dengan cepat di kediamannya di Kampung Sentosa Damai, Masai, di sini, sejak Isnin.

Selamah Selamat, 64, berkata musibah itu merupakan yang pertama tahun ini, selepas pernah mengalami banjir teruk di kawasan itu, dua tahun lepas.

Selamah yang baru pulang daripada menunaikan umrah pada 17 Feb lepas berkata dia dan keluarga sempat mengalihkan barangan termasuk perkakas elektrik, dokumen penting dan cenderahati yang dibeli untuk sanak saudara dan rakan-rakan, ke tempat yang lebih tinggi.

"Sejak dua hari lepas (Isnin) hujan tidak reda, saya melihat parit di luar kawasan rumah sudah penuh dengan air dan apabila saya ke bilik air, air sudah mula masuk menerusi salur air dengan cepat dan tidak sempat nak tutup lubang-lubang di bilik air.

"Lebih cemas apabila mendengar bunyi seperti letup-letup di bahagian bawah rumah kerana pecah akibat dimasuki air. Bilik tidur pula sudah dinaiki sehingga ke paras dua kaki (0.6 meter)," katanya kepada pemberita di pusat pemindahan sementara (PPS) Dewan Muafakat Kampung Cahaya Baru, di sini, hari ini.

Selamah berkata dia dan keluarga yang berpindah ke PPS itu sejak semalam, telah dinasihatkan oleh pihak berkuasa untuk menunggu beberapa hari di situ berikutan paras air Sungai Kong Kong masih tinggi dan hujan masih renyai.

Sementara itu, seorang lagi penduduk, Rahmat Hamid, 37, dari Kampung Cahaya Baru, Masai di sini berkata dia juga mengalami keadaan sama apabila terpaksa menghuni di PPS berkenaan selepas rumahnya dinaiki air sejak Isnin.

"Pada 2021, pernah jadi banjir seperti ini. Sebelum berpindah ke PPS semalam, saya sempat pindahkan tiga ekor kucing ke tempat yang lebih tinggi apabila melihat air naik dengan cepat di kawasan rumah dan menyediakan makanan untuk haiwan itu.

"Saya berharap pihak berwajib dapat tangani masalah banjir di kawasan ini dengan segera kerana apabila berlaku keadaan sebegini, menyukarkan saya untuk pergi bekerja," katanya yang bekerja sendiri itu.

# Tujuh Jam Terperangkap Atas Bumbung



LAPORAN Harian Metro hari ini

**Segamat:** "Alhamdulillah, saya dan tiga orang anak diselamatkan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) Segamat secara berperingkat."

Kelegaan itu dinyatakan Azizah Bani, 53, yang terperangkap bersama lima ahli keluarganya di atas bumbung akibat kediaman mereka dinaiki air sejak jam 4 pagi tadi.

"Bot PDRM tiba lebih kurang jam 3 petang tadi dan hanya boleh memuatkan dua orang mangsa banjir pada satu-satu masa.

"Jadi suami suruh saya dan anak-anak diselamatkan dahulu walaupun dia juga dalam keadaan letih, sejuk dan kelaparan sejak pagi tadi.

"Mohon doakan suami serta abang juga dapat diselamatkan secepat mungkin memandangkan ada juga mangsa banjir lain masih terperangkap," katanya ketika dihubungi hari ini.

Azizah serta tiga orang anaknya kini ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) SMK Seri Bali, Chaah dan sedang menanti suami serta abang untuk diselamatkan.

Menurut Azizah, dia sekeluarga telah berada di atas [bumbung rumahnya](#) kira-kira tujuh jam sejak jam 8 pagi tadi.

Tambah Azizah, dia enam sekeluarga terdiri daripada suaminya warga emas, abang serta tiga anaknya masih sedang menunggu bantuan.

Katanya, dia terpaksa memecahkan bumbung rumah dan memanjat keluar melalui atap untuk menyelamatkan diri apabila rumahnya mula ditenggelami air.

"Terima kasih saya ucapkan kepada pihak PDRM Segamat serta pihak berwajib yang lain yang membantu operasi menyelamatkan mangsa banjir.

"Tidak lupa juga warga maya yang terdiri daripada warga Labis, Chaah serta sekitar Segamat yang mendoakan kami sekeluarga dan memberikan kata-kata semangat," katanya.

## Kanak-Kanak Lelaki Dikhuatiri Lemas



*Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA) dari BBP Pekan turut diarah ke lokasi bagi membantu operasi SAR. - Gambar hiasan*

**PEKAN:** Seorang kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun dikhuatiri lemas di Sungai Pasir, Kampung Seri Makmur, Chini di sini pada Rabu.

Penolong Pengarah (Operasi) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Ismail Abdul Ghani berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan jam 2.49 petang sebelum sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Chini dengan dibantu anggota dari BBP Maran bergegas ke tempat kejadian.

Menurutnya, operasi mencari dan menyelamat (SAR) mangsa turut dibantu oleh anggota dari BBP Peramu yang membawa bersama bot penyelamat.

"Sebaik tiba di lokasi kejadian, pihak kami dimaklumkan berlaku kejadian seorang kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun dipercayai lemas di Sungai Pasir.

"Orang awam telah bertindak meminta bantuan pihak bomba untuk mencari dan menyelamat mangsa," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Rabu.

Beliau berkata, pasukan bomba membuat operasi SAR di sekitar sungai tersebut dengan menggunakan bot orang awam memandangkan bot bantuan dari BBP Peramu belum tiba di lokasi.

Jelasnya, Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA) dari BBP Pekan turut diarah ke lokasi bagi membantu operasi SAR.

## Pelan Tindakan Mobiliti Untuk OKU Perlu Diperkenal - Ras Adiba



Pelan tindakan mobiliti inklusif adalah untuk menambah baik kemudahan OKU di kawasan pengangkutan awam termasuk perhentian dan stesen bas, lapangan terbang serta stesen kereta api. - Gambar hiasan/Sinar Harian

**KUALA LUMPUR:** Senator Datuk Ras Adiba Radzi menggesa Kementerian Pengangkutan memperkenalkan pelan tindakan mobiliti inklusif untuk menambah baik kemudahan orang kurang upaya (OKU) di kawasan pengangkutan awam termasuk perhentian dan stesen bas, lapangan terbang serta stesen kereta api.

Dalam satu kenyataan bersempena Hari Kerusi Roda Antarabangsa, hari ini, katanya, pengenalan perundangan dalam bidang ini memerlukan pandangan baharu tentang panduan yang sudah wujud, sama ada ia terkini, konsisten dan menyeluruh serta sama ada terdapat pertindihan dan ketinggalan.

"Dalam pembentangan Belanjawan 2023 minggu lalu, kerajaan menyatakan kemudahan tanjakan kerusi roda akan dibina di tujuh lapangan terbang di Sabah dan Sarawak untuk manfaat ribuan pengguna kerusi roda yang menggunakan khidmat penerbangan MASWings.

Sayua harap usaha ini juga boleh dilaksanakan di lapangan terbang yang lain di seluruh negara dan disediakan untuk semua syarikat penerbangan," katanya.

Presiden OKU Sentral itu berkata penyelesaian juga perlu diwujudkan untuk menangani isu berkenaan infrastruktur kebolehcapaian di bangunan sedia ada dan pada kawasan persekitaran pejalan kaki.

Beliau berkata audit akses boleh menyediakan analisis terperinci tentang potensi dan masalah sebenar dan boleh dibuat berdasarkan rancangan untuk bangunan baharu serta dengan meninjau bangunan sedia ada.

"Di mana audit akses dibuat, mereka mesti mengambil kira pelbagai keperluan orang kurang upaya, termasuk mereka yang mengalami masalah deria dan kognitif. Pengauditan hendaklah dijalankan oleh juruaudit atau perunding pakar yang diiktiraf.

"Penambahbaikan kepada kebolehcapaian di bangunan sedia ada mungkin dilakukan secara paling berhemat sebagai sebahagian daripada pembaikan, penyelenggaraan, pengubahsuaian dan penghiasan semula secara berkala," katanya.

Ras Adiba berkata banyak lagi yang diperlukan untuk mengatasi isu kebolehcapaian di tempat kerja seperti mewujudkan atau menyediakan tempat khas parkir berhampiran pintu masuk dan keluar bangunan; mempunyai akses tanpa tangga; tulisan braille pada pintu dan semua papan tanda yang diletakkan dalam jangkauan serta tandas yang boleh diakses.

Sementara itu, beliau berkata dengan peningkatan populasi OKU di negara ini, sudah tiba masanya untuk Malaysia mempunyai Akta Anti Diskriminasi untuk OKU seperti Akta Diskriminasi OKU United Kingdom 1995 dan Akta OKU Amerika Syarikat 1990.

Diskriminasi ketidakupayaan berlaku apabila OKU dilayan dengan kurang baik berbanding orang tanpa kecacatan dalam keadaan yang sama atau serupa, katanya.

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM), sebanyak 218,116 orang kurang upaya fizikal telah didaftarkan sehingga 31 Dis 2022.